



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 13 / 2023

MESYUARAT KHAS URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) BAGI BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.036 KUALA TERENGGANU

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada **12 Julai 2023** telah menerima **Laporan Hakim Pilihan Raya** sebagaimana diperuntukkan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954** berkenaan keputusan mahkamah yang **membatalkan pilihan raya bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.036 Kuala Terengganu** pada 19 November 2022 yang lalu.
2. Sehubungan itu, satu Mesyuarat Khas berkaitan urusan **Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.036 Kuala Terengganu** akan diadakan pada **18 Julai 2023 (Selasa)**.
3. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Tan Sri Abdul Ghani Salleh, Pengerusi SPR** yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting **PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu** seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut.
4. Satu sidang media akan diadakan seurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

13 Julai 2023 / 24 Zulhijah 1444H